

**ENAKMEN 12 TAHUN 2002
ENAKMEN UNDANG-UNDANG KELUARGA ISLAM (NEGERI MELAKA) 2002**

**Seksyen 103. Penjaga bagi anak yatim.
Penjagaan ke atas Orang Dan Harta**

Seksyen 103. Penjaga bagi anak yatim.

Jika bapa dan datuk lelaki seseorang kanak-kanak telah mati tanpa melantik seorang penjaga melalui wasiat, mana-mana penghulu, pegawai polis yang berpangkat tidak rendah daripada Sarjan, mana-mana orang yang mempunyai jagaan kanak-kanak itu, atau mana-mana orang yang mempunyai kuasa seorang Pelindung di bawah Akta Kanak-Kanak 2000 [*Akta 611*], boleh menyebabkan kanak-kanak itu dibawa ke hadapan Mahkamah dan Mahkamah boleh melantik seorang penjaga sama ada bagi diri atau bagi harta kanak-kanak itu atau kedua-duanya.
